



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

GENDER FOCAL POINT (GFP) DILANTIK SEBAGAI USAHA MENGARUS PERDANA GENDER

Putrajaya, 9 November – Hari ini YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyempurnakan Majlis Pelantikan *Gender Focal Point (GFP)* kepada 45 GFP yang terdiri daripada Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian dan Timbalan Pengarah Agensi.

Pelantikan ini adalah susulan daripada keputusan yang dicapai dalam Mesyuarat Majlis Sosial Negara pada 28 Julai 2022 sebagai usaha **mengarus perdana gender bagi setiap perancangan, pelaksanaan dasar dan inisiatif Kerajaan**. Pelantikan ini dibuat dalam kalangan Timbalan Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Pengarah yang mempunyai kapasiti membuat keputusan dalam setiap dasar dan program di Kementerian serta agensi masing-masing. GFP yang telah dilantik akan mengetuai *Gender Focal Team (GFT)* di setiap Kementerian dan agensi yang akan mempunyai sekurang-kurangnya tujuh orang ahli bagi memastikan elemen gender diambil kira dalam pembangunan setiap polisi dan program Kerajaan.

Datuk Seri Rina dalam ucapan beliau menegaskan bahawa “Agenda mengarus perdana gender merupakan isu merentas agensi yang memerlukan penglibatan, kerjasama dan komitmen daripada semua

pihak. Usaha pelantikan GFP dan pewujudan GFT sebagai duta atau agen perubahan yang menggerakkan sokongan untuk mengarus perdana gender ini dipercayai akan menyumbang kepada tadbir urus organisasi dan negara yang lebih baik dengan pengagihan sumber dibuat secara saksama dalam memenuhi keperluan wanita dan lelaki yang berbeza. GFP dan GFT akan menjadi pendokong aspirasi Kerajaan berteraskan kefahaman, kapasiti dan keupayaan yang berkaitan gender dalam usaha merealisasikan Dasar Wanita Negara selain membantu meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan gender di kementerian serta agensi masing masing”.

Turut hadir semasa majlis pelantikan tersebut adalah YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

###

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**